



## PUSAT PENGAJIAN SAINS MATEMATIK

### ANUGERAH KHAS KECEMERLANGAN 2026 PUSAT PENGAJIAN SAINS MATEMATIK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

#### Kategori dan syarat permohonan

##### 1. Akademik (4 anugerah)

Khusus kepada pelajar tahun akhir yang **terbaik** dalam **akademik** dan sedang mengikuti rancangan pengajian prasiswazah yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Sains Matematik. Calon-calon yang layak memohon ialah yang telah mencapai **sekurang-kurangnya PNGK 3.50** bagi 7 semester sebagai pelajar Pusat Pengajian Sains Matematik.

##### 2. Ko-kurikulum (2 anugerah)

Khusus kepada pelajar tahun akhir dan sedang mengikuti rancangan pengajian prasiswazah yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Sains Matematik. Calon-calon yang layak memohon ialah yang **aktif** dalam **aktiviti ko-kurikulum** pada peringkat **Universiti Sains Malaysia atau Negeri atau Negara masing-masing** dan telah mencapai **sekurang-kurangnya PNGK 3.00** bagi 7 semester sebagai pelajar Pusat Pengajian Sains Matematik.

##### 3. Persatuan (1 anugerah)

Khusus kepada pelajar tahun akhir dan sedang mengikuti rancangan pengajian prasiswazah yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Sains Matematik dan **aktif** dalam **aktiviti ko-kurikulum**. Calon-calon perlulah **telah/sedang** memegang jawatan sebagai **Pengerusi / Yang DiPertua / Presiden Persatuan** pada peringkat **USM atau Negeri atau Negara masing-masing** dan telah mencapai **sekurang-kurangnya PNGK 3.00** bagi 7 semester sebagai pelajar Pusat Pengajian Sains Matematik.

**Pelajar-pelajar kemasukan Sidang Akademik 2022/2023  
yang memenuhi syarat-syarat di atas dijemput untuk memohon  
ANUGERAH KHAS KECEMERLANGAN 2026.**

**Muat turun borang permohonan melalui laman sesawang rasmi PPSM:  
<https://math.usm.my>**

**Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat Am, Pusat  
Pengajian Sains Matematik atau melalui emel: [ddsa\\_mat@usm.my](mailto:ddsa_mat@usm.my)**

**Tarikh tutup permohonan: 15 Jun 2026 (Isnin)**